

## PERKESO lancar Ops Cegah, lebih mesra majikan

Noor Atiqah Sulaiman - Mei 17, 2022 @ 6:07pm  
bhnews@bh.com.my



Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed melekatkan pekat kempen pada kenderaan selepas merasmikan Ops Cegah di Menara PERKESO.- NSTP/FATHIL ASRI.

PUTRAJAYA: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) hari ini melancarkan program Ops Cegah dengan pendekatan lebih mesra majikan atau 'soft approach' bagi meningkatkan kesedaran majikan dan pekerja untuk mengamalkan budaya pencegahan kemalangan pekerjaan.

Pelancaran Ops Cegah Peringkat Kebangsaan 2022 disempurnakan Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Dalam ucapannya, Mohammed Azman berkata, Ops Cegah adalah satu program kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang menggunakan pendekatan insaniah (soft approach) bagi mencegah kemalangan industri dan perjalanan.

"Berbeza dengan program yang lain, modus operandi Ops Cegah dilaksanakan dengan mengadakan lawatan ke premis majikan untuk bertemu pengurusan tertinggi perusahaan.

"Berdasarkan rekod PERKESO, majikan berkenaan sudah dikenal pasti sebagai organisasi yang merekodkan kemalangan tertinggi berdasarkan senarai 'Top 100' di seluruh negara dan 'Top 20' di kawasan mereka beroperasi untuk 2021.

"Kami percaya usaha perlu dilaksanakan secara berterusan bagi mengubah minda dan menerapkan kesedaran dalam kalangan pekerja untuk sentiasa mengamalkan budaya pencegahan kemalangan pekerjaan, sekali gus membantu mengurangkan kadar kemalangan di negara ini," katanya.

Menerusi program berkenaan, PERKESO memilih tema 'Kebersamaan Menangani Kemalangan Pekerja' dan ia akan dilaksanakan selama 15 hari bermula semalam hingga 31 Mei di seluruh negara, secara bersepadu di semua 54 pejabat PERKESO.

"Dengan rakan strategik yang lain, lawatan akan turut dibuat ke 1,060 premis majikan yang sudah dikenal pasti. Kita mengambil pendekatan memberi maklumat dan panduan kepada pengurusan tertinggi syarikat untuk menerap, amal amalan serta langkah pencegahan kemalangan pekerjaan kepada pekerja mereka.

"Langkah 'soft approach' ini sebenarnya lebih mesra majikan kerana ia hanya membabitkan aktiviti penerangan dan perbincangan dengan pengurusan tertinggi syarikat serta tidak membabitkan sebarang tindakan penguatkuasaan," katanya.

Beliau berkata, program yang dianjurkan itu selaras dengan 'Vision Zero' yang digagaskan oleh Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) pada 2017.

"Inisiatif antarabangsa ini bermatlamat untuk membentuk budaya pencegahan di mana bersandarkan kepada prinsip bahawa kemalangan boleh dicegah dan setiap organisasi perlu mengambil langkah yang perlu ke arah mencapai sasaran sifar kemalangan di tempat kerja termasuk penyakit berkaitan pekerjaan.

"Diharapkan dengan pendekatan baharu menerusi Ops Cegah ini, ia dapat meningkatkan lagi kesedaran majikan berhubung isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja serta semasa perjalanan," katanya.